

Jenis data/maklumat peribadi yang mungkin dikumpul termasuk, tetapi tidak terhad kepada:

- a) Nama dan pengenalan yang sesuai bagi subjek data seperti nombor MyKad/pasport/nombor lesen pemandu.
- b) Maklumat perhubungan termasuk alamat fizikal, alamat pos, alamat e-mel, nama pengguna, kata laluan, nombor telefon, butiran hubungan kecemasan dan waris.
- c) Nama, umur, jantina dan maklumat hubungan pasangan, tanggungan dan waris.
- d) Maklumat berkaitan transaksi komersial seperti sejarah pembelian, maklumat berkaitan kesihatan/keselamatan, keahlian, perjalanan dan penyertaan pertandingan.
- e) Maklumat pekerjaan seperti resume, jawatan kerja, lokasi pejabat, kontrak/tempoh pekerjaan, rekod prestasi/disiplin, tahap pendapatan, maklumat orang yang bagi rujukan dan pendidikan/kelayakan.
- f) Maklumat berkaitan pengarah dan kakitangan dalam Kumpulan TA.
- g) Maklumat berkaitan pemegang saham dan pelabur syarikat dalam Kumpulan TA.
- h) Maklumat perubatan seperti sejarah perubatan, insurans kesihatan dan ubat-ubatan.
- i) Latar belakang dan maklumat jenayah, termasuk sebarang pelanggaran atau tuduhan di bawah mana-mana undang-undang.
- j) Maklumat kewangan seperti akaun bank dan maklumat kad kredit/debit.
- k) Maklumat biometrik seperti cap jari dan data pengecaman muka.
- l) Maklumat yang diperolehi melalui kaedah komunikasi seperti e-mel, mesej teks dan platform komunikasi lain.
- m) Maklumat imej termasuk gambar dalam format audio atau video, CCTV dan rakaman keselamatan.
- n) Aktiviti dalam talian dan maklumat daripada peranti seperti pengecam, maklumat log masuk akaun, penggunaan laman web/aplikasi, aktiviti rangkaian mudah alih/web, alamat IP, kuki, data penjejakan dan maklumat media sosial.
- o) Maklumat tentang keutamaan, ciri, tingkah laku, kecerdasan dan kemahiran individu.

Sekiranya tidak dinyatakan sebaliknya oleh kami pada masa pengumpulan data peribadi, adalah wajib bahawa anda membekalkan kami dengan data peribadi yang diminta oleh kami. Sekiranya anda gagal untuk membekalkan data peribadi yang dinyatakan di atas, kami mungkin tidak dapat memproses data peribadi anda bagi mana-mana Tujuan yang dinyatakan di bawah dan anda mungkin melanggar syarat-syarat bagi peraturan-peraturan tertentu yang berkaitan dengan subjek data.

#### **4. Data Peribadi Sensitif dan Bawah Umur**

Data peribadi kanak-kanak di bawah umur lapan belas (18) tahun hanya dikumpul dengan kebenaran ibu bapa atau penjaga mereka. Kami tidak mengumpul data peribadi daripada kanak-kanak bawah umur secara sedar dan akan memadamkan maklumat yang berkaitan jika kami memastikan maklumat tersebut dikumpul tanpa kebenaran ibu bapa atau penjaga.

Data peribadi yang sensitif tidak akan dikongsi atau didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga melainkan subjek data telah memberikan kebenaran bertulis yang nyata.